



**PEKELILING DOKTOR INSURANS PERKESO
BIL. 1 TAHUN 2010**

LATIHAN KESIHATAN PEKERJAAN DOKTOR INSURANS PERKESO

1. TUJUAN

- 1.1. Tujuan Arahan ini adalah untuk memaklumkan tentang keputusan PERKESO mewajibkan Doktor Insurans PERKESO untuk menjalani latihan Kesihatan Pekerjaan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. PERKESO dalam langkah ke arah pencegahan penyakit pekerjaan secara lebih berkesan bercadang mewajibkan semua Doktor Insurans PERKESO menjalani latihan Kesihatan Pekerjaan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran berhubung tanggungjawab mengenal pasti serta membuat laporan penyakit pekerjaan.

3. PERLAKSANAAN

- 3.1 Sehubungan dengan perkara di atas PERKESO bercadang mewajibkan semua Doktor Insurans PERKESO mempunyai pengetahuan asas dalam bidang Kesihatan Pekerjaan berkuatkuasa **1 Januari 2011**.
- 3.2 Kursus–kursus yang memenuhi keperluan latihan Kesihatan Pekerjaan bagi tujuan di atas adalah seperti di **Lampiran I**.

- 3.3 Doktor Insurans PERKESO yang telah menjalani latihan atau telah memenuhi syarat-syarat di atas hendaklah memaklumkan PERKESO dengan mengemukakan Borang DIP. 4 seperti di **Lampiran II** berserta salinan sijil kelayakan berkenaan.
- 3.4 PERKESO berhak mengkaji semula status Klinik Doktor Insurans PERKESO sekiranya Doktor Insurans PERKESO gagal mematuhi keperluan latihan Kesihatan Pekerjaan ini.
- 3.5 Sebarang kemusykilan berhubung dengan Pekeliling ini hendaklah dikemukakan kepada Dr. Hafez bin Hussain, Cawangan Perubatan dan Pemulihan, Bahagian Operasi, Ibu Pejabat PERKESO, 281, Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur. (No.Telefon: 03-42645184/5088 Emel : hafez.hussain@perkeso.gov.my).

4. TARIKH KUATKUASA

Syarat keperluan latihan Kesihatan Pekerjaan Doktor Insurans PERKESO di bawah pekeliling ini akan berkuatkuasa pada **1 Januari 2011**.

"Berkhidmat Untuk Negara"



(K. SELVARAJAH)
Ketua Eksekutif
Pertubuhan Keselamatan Sosial.

27 Januari 2010

"SIKAP TERBUKA LAYANAN MESRA"

Kursus-kursus yang memenuhi syarat keperluan latihan Kesihatan Pekerjaan Doktor Insurans PERKESO (Perenggan 3.2) :-

- i) Kelayakan Lepasan Ijazah dalam bidang Kesihatan Pekerjaan yang diiktiraf oleh Malaysian Medical Council (MMC).
- ii) Latihan lanjutan dalam bidang Kesihatan Pekerjaan yang diiktiraf sebagai Doktor Kesihatan Pekerjaan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP).
- iii) Kursus Asas Kesihatan Pekerjaan yang dianjurkan oleh badan-badan yang diiktiraf oleh PERKESO seperti di **Lampiran I(a)**.

LAMPIRAN I(a)

Badan-badan yang menganjurkan Kursus Asas Kesihatan Pekerjaan yang diiktiraf oleh PERKESO:

Nama dan Alamat
National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) Lot 1, Jalan 15/1, Section 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03-87692100 Faks: 03-89262900 Website: www.niosh.com.my
Akademi Perubatan Pekerjaan dan Persekitaran Malaysia, (AOEMM) 72-1 Jalan Mega Mendung, Kompleks Bandar Batu 5, Jalan Kelang Lama, 58200 Kuala Lumpur. Tel/Faks: 03-40446030 Website: http://www.aoemm.com/
Society of Occupational and Environmental Medicine (SOEM) 4 th Floor, MMA House, 142 Jalan Pahang, 53000 Kuala Lumpur Tel: 03-40411375 Faks: 03-40418187/9929 Website: http://www.soem-mma.org/
Malaysian Society of Occupational Health Physicians (MSOHP) NSCMH Medical Centre, Jalan Tun Dr. Ismail 70200 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus. http://www.socso-cme.com.my/index.cfm